

Artikel

Hubungan antara Efikasi Diri dan Situasi Berisiko Tinggi Relaps dalam kalangan Banduan Dadah
(*The Relationship Between Self-Efficacy and High-Risk Relapse Situations among Drug Offenders*)

Fauziah Ibrahim*, Nazirah Hassan, Ezarina Zakaria, Wan Shahrazad Wan Sulaiman, Mohammad Rahim Kamaluddin & Nurulatiqah Yunos

Pusat Kajian Psikologi dan Kesejahteraan Manusia, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600, Bangi Selangor, Malaysia

*Pengarang Koresponden: ifauziah@ukm.edu.my

Abstract: Efikasi diri merupakan aspek penting dalam menentukan keyakinan dan kemampuan diri seseorang untuk mengamalkan gaya hidup sihat dan mencegah diri daripada terlibat semula dengan dadah. Oleh itu kajian ini dilakukan bertujuan untuk (1) mengenalpasti tahap efikasi diri dalam kalangan banduan dadah dan (2) mengenalpasti hubungan antara efikasi diri dengan situasi berisiko tinggi relaps dalam kalangan banduan dadah. Kajian dijalankan secara tinjauan keratan-lintang dengan menggunakan reka bentuk kuantitatif. Seramai 407 orang banduan yang terlibat dengan kes dadah dan sedang menjalani tahanan dan pemulihan di Jabatan Penjara Malaysia telah dipilih sebagai responden kajian. Data kajian dianalisis dengan menggunakan ujian deskriptif dan korelasi *Pearson*. Hasil kajian mendapati majoriti banduan yang sedang menjalani pemulihan dan tahanan di Penjara Malaysia menunjukkan efikasi diri pada tahap sederhana ke tahap yang tinggi. Analisis korelasi *Pearson* pula mendapati efikasi diri mempunyai hubungan yang signifikan dengan situasi berisiko tinggi relaps. Hasil kajian memberi implikasi kepada pihak-pihak yang berkepentingan dalam menambahbaik program-program rawatan dan pemulihan yang melibatkan aspek efikasi diri dalam kalangan banduan.

Kata kunci: efikasi diri, banduan, relaps, dadah, penjara

Abstract: Self-efficacy is an important aspect in determining an individual's confidence and ability to practice a healthy lifestyle and to prevent drug relapse. Therefore, this study was conducted with the aim of (1) identifying the level of self-efficacy among drug offenders and (2) analyzing the relationship between self-efficacy and the high-risk relapse situations among drug offenders. A cross-sectional survey was conducted using a quantitative research design. A total of 407 offenders sentenced for drug offences and currently undergoing imprisonment and rehabilitation at the Malaysia Prison Department were selected as respondents to the study. Research data were analyzed using the descriptive statistics and the Pearson's correlation test. The results of the study found that the majority of offenders undergoing rehabilitation and imprisonment in Malaysia prisons reported between moderate and high levels of self-efficacy. Pearson's correlation analysis found that self-efficacy has a significant relationship with the high-risk relapse situations. The results of the study have implications to stakeholders in improving treatment and rehabilitation programs concerning aspects of self-efficacy among the offenders.

Keywords: self-efficacy, prisoners, relapse, drugs, prison

Pengenalan

Efikasi diri merupakan salah satu faktor psikologikal yang memberi impak ke atas kejayaan rawatan dan pemulihan. Menurut Kadden dan Litt (2011), efikasi diri merujuk kepada kepercayaan bahawa seseorang

mempunyai keupayaan untuk melaksanakan tingkah laku yang diperlukan bagi menghasilkan kesan yang diinginkan. Efikasi diri merupakan kuasa motivasi kognitif yang menentukan tahap keupayaan seseorang individu menangani halangan apabila kemahiran dan keupayaan mereka dicabar. Kepercayaan efikasi diri yang rendah akan menjejaskan keupayaan seseorang menangani masalah yang dihadapi (Reeve, 2005). Terdapat beberapa kajian lepas yang menegaskan bahawa efikasi diri mempunyai peranan yang istimewa dalam meramal hasil rawatan dan pemulihan sekaligus memperbaiki kesihatan individu yang berada dalam keadaan ketagihan. Individu yang mempunyai tahap efikasi diri yang rendah lebih cenderung untuk meneruskan ketagihan (Fauziah, Naresh & Abu Samah 2011). Manakala, kajian oleh Torrecillas, et al., (2015) pula mendapati efikasi diri mempunyai hubungan secara tidak langsung dengan kuantiti kebergantungan terhadap dadah. Kajian yang dijalankan oleh Abdollahi et al., (2014) pula mendapati terdapat perkaitan antara tingkah laku mengulangi semula dengan efikasi diri dan perkaitan yang signifikan antara efikasi diri dengan usia kali pertama seseorang penagih menggunakan dadah. Kajian yang dijalankan oleh Dolan et al. (2008) pula melaporkan bahawa individu yang mempunyai efikasi diri yang tinggi mempunyai kecenderungan untuk berhenti dari menggunakan dadah apabila berhadapan dengan risiko penagihan bahan. Dalam kajian yang dijalankan oleh Ramo et al. (2005) dan McKay et al. (2004) pula melaporkan bahawa wujudnya hubungan negatif di antara efikasi diri dan relaps dalam penyalahgunaan dadah. Oleh itu, dapat dirumuskan bahawa individu yang memiliki efikasi diri yang tinggi mempunyai tahap keyakinan diri yang tinggi sekaligus mempunyai kemampuan untuk menolak dadah dalam tempoh tertentu.

Ketagihan dadah dianggap sebagai satu penyakit, di mana seseorang itu memerlukan sokongan lebih daripada seseorang yang mengalami penyakit fizikal. Selain menerima rawatan perubatan yang khusus, penekanan perlu diberi terhadap sokongan sosial dan psikologikal terutamanya selepas rawatan bagi mereka yang terlibat dengan penagihan. Tindakan memutuskan hubungan dengan rakan-rakan menagih merupakan situasi yang sangat menekan dan ia memerlukan sokongan sosial yang kuat daripada pelbagai pihak. Justeru itu, sokongan sosial adalah antara faktor yang memainkan peranan istimewa dalam mengekalkan penarikan terhadap dadah (Davis & Jason 2005). Taylor, et al. (2007), dalam kajiannya berpandangan bahawa sokongan sosial merupakan keadaan di mana seseorang menerima bantuan daripada individu yang terdekat untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi. Manakala Lee et al. (2004) pula mendefinisikan sokongan sosial sebagai '*alat*' yang membolehkan individu menangani sakit kronik dan tekanan dengan lebih mudah. Manakala Atadokht et al. (2015) pula menjelaskan bahawa individu yang merasa dirinya menerima sokongan sosial dari keluarga hanya relaps sebanyak 12% sahaja. Kajian ini disokong oleh Nashee et al. (2014), dimana kajiannya menunjukkan wujud hubungan negatif di antara penerimaan sokongan sosial dan ketagihan relaps.

Kadden dan Litt (2011) pula menjelaskan efikasi diri sebagai faktor peramal atau perantara kepada keberkesanan rawatan dan pemulihan. Kajian beliau juga menjelaskan bahawa penagih dadah yang mempunyai efikasi diri yang rendah lebih mudah terjebak semula dengan aktiviti penagihan dan menjadi relaps (Kadden & Litt 2011). Oleh itu, efikasi diri memainkan peranan penting bagi memastikan seseorang itu kekal dalam kepulihan. Ramo et al. (2005) juga turut menjelaskan bahawa efikasi diri mempunyai kaitan dengan tingkah laku relaps dalam kalangan remaja yang mempunyai konflik atau tekanan kehidupan. Pada masa yang sama, efikasi diri juga mempunyai kaitan apabila mereka mempunyai keinginan untuk mengambil dadah selepas dua minggu sebelum relaps. Menurut Roffman dan Stephens (2005) efikasi diri yang tinggi mampu mengelakkan penggunaan dadah daripada mengulangi tingkah laku penagihan dan mencegah relaps. Hasil kajian ini dilihat selari dengan kajian yang dijalankan oleh Salina Nen et al. (2017) yang mendapati bahawa bekas penagih dadah yang mempunyai keyakinan yang tinggi berupaya mengamalkan gaya hidup sihat dan mampu membebaskan diri daripada dadah.

Litt & Kadden (2015) menjelaskan bahawa efikasi sendiri merupakan peramal yang kuat kepada hasil rawatan penagih khasnya bagi mereka yang mengambil dadah jenis marijuana. Berdasarkan kepada dapatan kajian yang dilakukan mendapati efikasi sendiri adalah peramal yang kuat dalam semua model ujian yang diuji. Malah Litt dan Kadden (2015) turut menjelaskan efikasi sendiri merupakan factor penting yang membantu dalam mengubahsuai tingkah laku seseorang penagih. Malah ianya boleh menjadi peramal kepada tingkah laku penagih untuk bebas daripada penyalahgunaan dadah atau penagihan relaps. Hoepfner et al. (2011) pula menjelaskan efikasi sendiri antara peramal yang paling konsisten terhadap tingkah laku relaps

dalam penyalahgunaan dadah. Manakala Martin & Rohsenow (2008) pula menyatakan bahawa efikasi sendiri boleh dijelaskan sebagai keyakinan diri dan keupayaan seseorang untuk bertingkah laku dalam cara tertentu bagi mencapai matlamat yang diinginkan. Malahan ia boleh mempengaruhi keberkesanan kemahiran daya tindak dan mencegah daripada tingkah laku relaps dalam kalangan penagih dadah. Dolan et al. (2008) juga menyatakan bahawa efikasi sendiri boleh diukur dengan soal selidik yang mengukur keyakinan diri atau kebolehan untuk kekal pulih daripada pengaruh dadah pada masa akan datang. Sehubungan dengan itu, Dolan et al. (2008) menyatakan bahawa hasil daripada rawatan dan pemulihan yang berkesan dapat ditunjukkan melalui keyakinan penagih melaporkan diri mereka. Ia dianggap sebagai kebolehan seseorang penagih dalam mengekalkan efikasi sendiri dan seterusnya mempengaruhi kepada hasil rawatan yang baik. Malah, kajian beliau juga melaporkan bahawa simptom kemurungan yang ditunjukkan oleh penagih dadah turut memberikan kesan negatif kepada efikasi sendiri seseorang. Keadaan ini seterusnya menyebabkan kesukaran untuk penagih kekal bersih dan bebas dadah terutamanya dalam keadaan yang berisiko tinggi untuk relaps. Oleh itu, jelas bahawa efikasi diri yang positif menyumbang ke arah pengekalan pemulihan dalam kalangan penagih dadah. Memandangkan konsep efikasi diri merupakan komponen penting dalam rawatan dan pemulihan, maka kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengenalpasti hubungan antara efikasi diri dan situasi berisiko tinggi relaps dalam kalangan banduan dadah.

Metodologi

1. Reka Bentuk Kajian

Kajian ini menggunakan reka bentuk tinjauan keratan-lintang secara kuantitatif. Ia dilakukan secara survei dengan menggunakan borang soal selidik kajian. Kajian kuantitatif merupakan suatu kajian yang menggunakan data numerik selama proses kajian dijalankan bermula proses pengumpulan data, pentafsiran data serta paparan dapatan kajian (Arikunto 2006).

2. Populasi, Sampel dan Lokasi Kajian

Dalam kajian ini, populasi kajian merujuk kepada banduan dadah yang sedang menjalani hukuman di penjara Malaysia. Seramai 407 orang banduan dadah yang ditempatkan di lima buah zon Penjara Malaysia telah dipilih sebagai sampel kajian. Antara Penjara yang terlibat dalam kajian ialah dari zon selatan (Penjara Melaka), zon tengah (Penjara Selangor), zon utara (Penjara Perak), zon timur (Penjara Pahang) dan zon Sabah/Sarawak (Penjara Sabah). Kesemua mereka yang terlibat dalam kajian ini terdiri daripada banduan dadah yang sedang menjalani hukuman di Penjara sekurang-kurangnya bagi tempoh enam bulan.

3. Instrumen Kajian

Kajian ini menggunakan instrumen yang dinamakan sebagai Efikasi Diri Bebas Dadah yang telah dibina oleh Fauziah, et al. (2019). Efikasi diri merujuk kepada keyakinan terhadap kemampuan diri untuk mengamalkan gaya hidup sihat dan bebas sepenuhnya daripada dadah. Alat ukuran ini terdiri daripada lapan (8) item soalan yang digunakan untuk mengukur efikasi diri bebas dadah bagi banduan dadah. Nilai kebolehpercayaan skala yang telah digunakan adalah tinggi iaitu 0.84. Instrumen yang digunakan dalam kajian ini berbentuk skala Likert empat skala dengan pilihan jawapan iaitu (1) sangat tidak setuju, (2) tidak setuju, (3) setuju dan (4) sangat setuju.

4. Penganalisan Data

Data kajian dianalisis dengan menggunakan “*Statistical Package for the Social Science for Windows*” (SPSS for Windows). Analisis deskriptif seperti frekuensi, min, mod, median, peratusan dan sisihan piawai digunakan untuk mengukur jenis strategi daya tindak yang digunakan oleh banduan dadah. Manakala analisis inferensi (ujian korelasi) digunakan untuk mengenalpasti hubungan antara efikasi diri bebas dadah dengan situasi berisiko tinggi relaps dalam kalangan banduan dadah. Interpretasi hubungan korelasi ini adalah berdasarkan kepada Guildford’s (1973) Rule of Thumb’ seperti dalam Jadual 1 berikut:

Jadual 1. Interpretasi hubungan korelasi berdasarkan *Guildford's (1973) Rule of Thumb'*

Pekali Pearson (r)	Kekuatan Hubungan
< .20	Hampir tiada hubungan
.20 hingga .40	Korelasi yang rendah
.41 hingga .70	Korelasi yang sederhana
.71 hingga .90	Korelasi yang tinggi
> .90	Korelasi yang sangat tinggi

5. Proses Pengumpulan Soal Selidik

Pada permulaan proses pengumpulan data, permohonan kebenaran daripada Ketua Pengarah Jabatan Penjara Malaysia untuk menjalankan kajian pengutipan data telah dilakukan. Selepas permohonan menjalankan kajian diluluskan, pengkaji menghubungi pihak Penjara dan menetapkan tarikh yang bersesuaian untuk mengumpul data berdasarkan jumlah responden yang telah ditetapkan. Setelah persetujuan kedua-dua pihak dicapai maka kajian dilakukan mengikut persetujuan dan tarikh yang telah diatur. Bagi tujuan pengumpulan data di Penjara, sesi taklimat telah diberikan kepada Pegawai Penjara yang bertugas dan responden yang terlibat dalam kajian ini. Penjelasan tentang beberapa arahan seperti memastikan semua maklumat dalam borang soal selidik perlu dilengkapkan, soal selidik perlu dijawab dengan jujur berdasarkan pengalaman penagihan dan aktiviti jenayah yang dilakukan dan memulangkan semula borang soal selidik dalam keadaan lengkap. Bagi memudahkan proses pengumpulan data, responden yang terpilih untuk menjayakan kajian ini telah dipecahkan kepada dua kumpulan iaitu responden yang boleh membaca dan responden yang tidak boleh membaca. Responden yang boleh membaca mengisi sendiri borang soal selidik dan diawasi oleh Pegawai Penjara. Manakala responden yang tidak boleh membaca, pengkaji dan Pegawai Penjara yang bertugas membacakan satu persatu soalan tersebut secara bersemuka dan responden menanda jawapan yang bersesuaian dengan diri mereka di dalam borang selidik. Setelah selesai mengisi borang soal selidik, responden diminta untuk mengembalikan borang tersebut dan pemeriksaan rapi dilakukan oleh pengkaji terhadap setiap helaian borang soal selidik berkenaan. Sekiranya borang soal selidik tersebut tidak lengkap, pengkaji meminta responden untuk melengkapkan semula soalan yang tidak ditandakan dalam borang soal selidik yang di edarkan. Sekiranya borang soal selidik tersebut lengkap, pengkaji menerima borang soal selidik tersebut untuk tujuan analisis. Dalam kajian ini, kerja-kerja pengumpulan data dilakukan secara teratur bagi memastikan tujuan dan objektif kajian dapat dicapai sepenuhnya.

Hasil Kajian dan Perbincangan

Hoepner et al. (2011) menjelaskan efikasi sendiri merupakan peramal yang konsisten terhadap tingkah laku relaps dalam penyalahgunaan dadah. Berdasarkan keputusan kajian yang dijalankan ke atas 407 orang banduan dadah menunjukkan bahawa sebahagian besar daripada banduan dadah yang sedang menjalani hukuman di Penjara Malaysia mempunyai efikasi diri bebas dadah pada tahap tinggi (58%) ke tahap sederhana (40.8%). Berdasarkan Jadual 2, hanya 1.2% sahaja daripada banduan dadah yang terlibat dalam kajian mempunyai tahap efikasi diri bebas dadah yang rendah.

Jadual 2. Tahap Efikasi Diri Bebas Dadah

Tahap	N=407	Peratus (%)
Rendah	5	1.2
Sederhana	166	40.8
Tinggi	236	58.0
JUMLAH	407	100

Nota: Tahap Rendah (1.00-2.00) Tahap Sederhana (2.01-3.00) Tahap Tinggi (3.01-4.00)

Secara keseluruhannya, analisis yang dilakukan menunjukkan sebanyak 84.3% daripada banduan dadah yang terlibat dalam kajian ini mempunyai keyakinan bahawa mereka boleh mengatasi masalah ketagihan dadah (item 1). Keadaan ini memberi petunjuk positif terhadap kepulihan dadah. Hasil kajian ini

dilihat selari dengan kajian yang dijalankan oleh Dolan, et al. (2008) yang mengatakan individu yang mempunyai efikasi diri yang tinggi mempunyai kecenderungan untuk berhenti menggunakan dadah apabila berhadapan dengan risiko penagihan bahan seperti dadah. Hasil kajian ini juga seterusnya mendapati majoriti banduan dadah percaya bahawa mereka mempunyai masa depan yang cerah tanpa dadah (95.8% - item 4) dan boleh bebas daripada pengaruh dadah sekiranya melakukan dengan bersungguh-sungguh (95.1% - item 3). Mereka juga mengakui mempunyai pelbagai cara untuk mengatasi masalah ketagihan (81.6% - item 5) dan mereka bukan seorang yang mudah mengalah (81.4% - item 7) dalam usaha memutuskan pergantungan terhadap dadah. Kebanyakan banduan dadah yang terlibat dalam kajian turut mengakui bahawa mereka adalah seorang yang fokus dalam mencapai matlamat bebas dadah (77.6% - item 2) serta mempunyai kesabaran semasa berhadapan dengan situasi menekan (78.6% - item 6). Kajian juga mendapati majoriti mereka yang terlibat dalam kajian ini jelas tentang individu yang boleh membantu mereka untuk berjaya dalam hidup serta bebas daripada pengaruh dadah (86.2% - item 8) seperti mana dalam Jadual 3.

Jadual 3. Taburan Peratusan Item Efikasi Diri Bebas Dadah

Bil.	Item	Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Setuju	Sangat Setuju	Min
		P (%)	P (%)	P (%)	P (%)	
1.	Saya yakin boleh menangani masalah ketagihan dadah	4.2	11.5	45.5	38.8	3.19
2.	Saya seorang yang fokus dalam mencapai matlamat bebas dadah	3.9	18.4	47.9	29.7	3.03
3.	Saya boleh bebas dadah jika berusaha bersungguh-sungguh	1.7	3.2	45.7	49.4	3.43
4.	Saya mempunyai masa depan yang cerah tanpa dadah	1.5	2.7	37.3	58.5	3.53
5.	Saya mempunyai pelbagai cara untuk mengatasi masalah ketagihan	3.2	15.2	50.4	31.2	3.10
6.	Saya boleh bersabar apabila berhadapan dengan situasi menekan.	2.5	18.9	57.0	21.6	2.98
7.	Saya tidak mudah mengalah untuk bebas daripada dadah	1.5	17.2	54.1	27.3	3.07
8.	Saya tahu siapa individu yang boleh membantu saya untuk berjaya dalam hidup	2.7	11.1	44.2	42.0	3.26

1. Hubungan Antara Efikasi Diri Bebas Dadah dengan Situasi Berisiko Tinggi Relaps

Analisis kajian seperti mana dalam Jadual 4 menunjukkan terdapat hubungan yang negatif, sangat lemah tetapi signifikan antara efikasi diri bebas dadah ($r = -.136^{**}$, $k < 0.05$ dengan situasi berisiko tinggi relaps dalam kalangan banduan dadah. Perkaitan yang negatif ini menunjukkan wujud hubungan yang songsang antara efikasi diri bebas dadah dengan situasi berisiko tinggi relaps.

Jadual 4. Pekali korelasi antara Efikasi Diri Bebas Dadah dan Situasi Berisiko Tinggi Relaps

Pembolehubah	Situasi Berisiko Tinggi Relaps	
	Nilai Korelasi (r)	Aras Signifikan (k)
Efikasi Diri Bebas Dadah	-.136**	.006

Nota: ** signifikan pada aras keyakinan 0.01

Keputusan ini memberi maksud bahawa semakin tinggi efikasi diri bebas dadah, maka semakin rendah situasi berisiko tinggi relaps dalam kalangan banduan dadah. Oleh itu, berdasarkan kepada keputusan tersebut, hasil kajian ini menerima hipotesis kajian yang meramalkan terdapat hubungan yang signifikan antara efikasi diri bebas dadah dengan situasi berisiko tinggi relaps dalam kalangan banduan. Hasil kajian ini dilihat selari dengan kajian yang dijalankan oleh Ramo et al. (2005) yang mendapati wujud hubungan negatif tetapi signifikan antara efikasi diri dan relaps dalam penyalahgunaan dadah. Keadaan ini menunjukkan bahawa individu yang mempunyai efikasi diri yang tinggi mempunyai keupayaan untuk menolak godaan dadah bagi tempoh tertentu. Litt dan Kadden (2015) pula menjelaskan efikasi diri membantu untuk mengubahsuai tingkah laku seseorang penagih. Ini menunjukkan bahawa mereka yang mempunyai efikasi diri berupaya untuk mengurangkan risiko penagihan semula terhadap dadah.

Kesimpulan

Kesimpulannya hasil kajian mendapati majoriti banduan yang sedang menjalani pemulihan dan tahanan di Penjara Malaysia mempamerkan tahap efikasi diri yang sederhana ke tahap yang tinggi. Analisis korelasi Pearson pula mendapati efikasi diri mempunyai hubungan yang signifikan dengan situasi berisiko tinggi relaps. Hasil kajian yang dijalankan memberi petunjuk dan implikasi penting kepada pihak-pihak yang berkepentingan dalam usaha menambahbaik program-program rawatan dan pemulihan yang melibatkan aspek efikasi diri dalam kalangan banduan. Efikasi diri merupakan faktor psikologikal yang memberi motivasi dan kesan penting ke atas kejayaan proses rawatan dan pemulihan dadah. Seseorang yang mempunyai efikasi diri yang tinggi berupaya untuk menghalang diri daripada terjebak semula dengan aktiviti penyalahgunaan dadah. Justeru itu program pemulihan yang berupaya meningkatkan efikasi diri untuk bebas dadah diperlukan bagi membimbing dan memberi motivasi kepada klien untuk terus mengamalkan gaya hidup yang sihat tanpa dadah. Klien yang telah berjaya keluar dan mengekalkan kepulihan perlu dijadikan role model kepada klien yang sedang dalam pemulihan untuk terus membina keyakinan dan kepercayaan diri dan seterusnya mampu menjalani kehidupan yang lebih sejahtera. Kepercayaan efikasi diri yang rendah hanya akan menjejaskan keupayaan diri seseorang untuk membebaskan diri dari dadah dan ketidakupayaan dalam menangani masalah relaps.

Penghargaan: Kajian ini telah mendapat sokongan dan pembiayaan daripada Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) melalui kod penyelidikan FRGS/1/2018/SS06/UKM/02/2. Ucapan penghargaan juga ditujukan kepada Jabatan Penjara Malaysia dan Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, UKM serta semua yang telah menjayakan kajian ini.

Rujukan

- Abdollahi, Z., Taghizadeh, F., Hamzehgardesh, Z., & Bahramzad, O. (2014). Relationship between addiction relapse and self-efficacy rates in injection drug users referred to Maintenance Therapy Centre of Sari 1391, *Glob J Health Sci*, 6(3): 138-44.
- Atadokht A. Hajloo N, Karimi M., & Narimani M. (2015). The role of family expressed emotion and perceived social support in prediction addiction relapse. *International Journal of High-Risk Behavior Addct*, 4(1): 212-250.
- Arikunto, S. (2006). *Prosedur Penelitian (Suatu Pendekatan Praktek)*. Jakarta: Rineka Cipta.

- Davis, M.I. & Jason L.A. (2005). Sex differences in social support and self-efficacy within a recovery community. *Am J Community Psychol*. 36(3-4): 259-74.
- Dolan, S. L., Martin, R. A. & Rohsenow, D. J. (2008). Self-efficacy for cocaine abstinence: pretreatment correlates and relationship to outcomes. *Addiction Behavior*. 33(5): 675-688.
- Fauziah Ibrahim & Naresh Kumar. (2009). The influence of Community on Relaps Addiction to drugs Use. Evidence from Malaysia. *European Journal of Social Sciences*,11(3): 471-476.
- Fauziah Ibrahim, Ezarina Zakaria, Nazirah Hassan, Wan Shahrazad Wan Sulaiman dan Mohammad Rahim Kamaluddin. (2019). *Penilaian Model Situasi Berisiko Tinggi Relaps Terhadap Kelompok B40 Banduan Dadah. Laporan Akhir FRGS*. Bangi: UKM.
- Hoepfner, B.B., Kelly, J. F., Urbanoski, K. A. & Slaymaker, V. (2011). Comparative utility of a single item vs multiple-item measure of self-efficacy in predicting relapse among young adults. *Journal Substances Abuse Treat*. 41(3): 305-312.
- Kadden, R. M. & Litt, M. D. (2011). The role of self-efficacy in the treatment of substances use disorders. *Addiction Behaviour*. 36(12): 1120-1126.
- Litt, M. D. & Kadden, R. M. (2015). Willpower versus "skillpower". Examining how self-efficacy works in treatment for marijuana dependence. *Psychological Addiction Behavior*, 29(3): 532-540.
- McKay, J. R., Foltz, C., Leahy, P., Stephen, R., Orwin, R. G. & Crowley E. M. (2004). Step Down Continuing Care in the Treatment of Substance Abuse: Correlates of Participation and Outcome Effects. *Eval Program Plan*, 27(3): 321-31.
- Nashee, Q., Amjad N., Rafique, R. T., & Naz, A. (2014). Perceive Social Support and Relapse Proneness in Person in Substance Use Disorders. *Journal of Addiction Research and Theraphy*, 5(3): 111-120.
- Ramo, D. E., Anderson, K.G., Tate, S. R & Brown, S. A. (2005). Characteristics of relapse to substance use in comorbid adolescent. *Addictive Behaviors*, 30(9): 1811-1823.
- Reeve, J. M. (2005). *Understanding Motivation and Emotion*. Tehran: Editing Publishing.
- Roffman, R. A. & Stephens, R. S. (2005). Relapse prevention for cannabis abuse and dependence. In Marlatt, G.A.; Donovan, D.M., editors. *Relapse prevention: Maintenance strategies in the treatment of addictive behaviors*. New York: The Guildford Press. P. 179-207.
- Salina Nen, Fauziah Ibrahim, Ezarina Zakaria, Mohd Norahim Mohamed Sani & Nor Jana Saim. (2017). Tahap keyakinan diri bekas penagih dadah dalam pengawasan di Malaysia: Ke arah kepulihan menyeluruh. *Jurnal Psikologi Malaysia* 31(1): 29-39.
- Taylor, S.E., Welch, W.T., Kim, H. S., & Sherman, D. K. (2007). Cultural differences in the impact of social support on psychological and biological stress responses. *Psychol Sci*, 18(9): 831-837.
- Torrecillas, F. L., Torres Cobo, M. A., Delgado, P., & Ucles, I. R. (2015). Predictive capacity of self-efficacy in drug dependence and substance abuse treatment. *Journal of Psychology and Clinical Psychiatry* 2(3): 1-7.